

# Kerajaan pertimbang bayar

Oleh Kadir Dikoh

BH

6 DEC 2000

SHAH ALAM, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membayangkan kemungkinan kerajaan, melalui Kementerian Kewangan, memberi bonus atau bantuan khas kewangan kepada kakitangan awam.

“Kalau ada duit, kita bagi bonus... kalau tak ada duit, tak ada bonus,” katanya ketika ditanya sama ada kerajaan masih mahu memberi bonus

kepada kira-kira 800,000 kakitangan awam, terutama menjelang Aidilfitri ini.

Mengenai kemungkinan kerajaan memberi bantuan khas kewangan jika ia gagal memberi bonus, Perdana Menteri berkata:

“Tak tahulah... saya dengar Menteri Kewangan sedang menimbangkannya”.

Bercakap kepada pemberita

selepas merasmikan The Royal Mint of Malaysia di sini hari ini, beliau berkata semua soalan mengenai perkara itu perlu diajukan kepada Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Daim, ketika membentangkan Belanjawan 2001 pada Oktober lalu, tidak mengumumkan bonus kepada kakitangan awam.

Dalam Belanjawan 2000, kakitangan awam menerima bayaran bonus sebulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 termasuk bantuan khas kewangan RM600 yang diberikan sejak Julai 1999.

Baru-baru ini Cuepacs mengemukakan rayuan kepada kerajaan untuk mendapatkan bantuan kewangan minimum RM1,000 bagi setiap kakita-

## bonus atau bantuan khas

ngan awam.

Sementara itu, Dr Mahathir memberi jaminan bekalan barang keperluan ketika musim perayaan ini mencukupi dan rakyat mampu membelinya pada harga yang sewajarnya.

“Kerajaan akan memastikan bekalan yang mencukupi bagi daging lembu, ayam dan barangan perlu lain dan rakyat tidak harus membelinya pada

harga tinggi,” katanya.

Beliau berkata, kadar inflasi tahun ini di bawah tiga peratus dan tahap yang rendah itu menunjukkan harga barang di negara ini tidak naik walaupun berlaku peningkatan harga minyak.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengakui masih ada pihak tidak bertanggungjawab yang akan cuba mengaut keuntu-

ngan dengan menaikkan harga ketika musim perayaan ini.

Mengenai laporan SAirGroup dari Switzerland iaitu syarikat induk Swissair, yang dikatakan sanggup membeli lebih RM8 sesaham bagi sebahagian ekuiti dalam Penerbangan Malaysia (MAS), beliau berkata ia terpulung kepada Kementerian Kewangan untuk berbincang lanjut.